

D797

U B489 BAH
MAHATHIR - MUSTAFFA

BATU PAHAT, 10 OKT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT DATUK MUSTAFFA MOHAMED BERSETUJU UNTUK TIDAK BERTANDING DALAM PILIHAN RAYA UMUM KALI INI BAGI MEMBOLEHKAN URUSAN PENYUSUNAN SEMULA KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA LANGKAH ITU SAMA SEKALI TIDAK BERMAKNA BELIAU TIDAK BERPUAS HATI DENGAN DATUK MUSTAFFA DALAM MENJALANKAN KERJANYA SEBAGAI SEORANG MENTERI ATAUPUN PEMIMPIN UMNO.

+KHIDMATNYA BERJALAN DENGAN BAIK SEKALI DAN BELIAU TELAH MEMIMPIN KEMENTERIAN DENGAN IDEA-IDEA BARU, BAHKAN BELIAU TELAH MEMBENTUK SATU DASAR BARU YANG AKAN KITA JALANKAN KELAK+, KATANYA KEPADA PEMIMPIN-PEMIMPIN PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL DI KEDIAMAN DATUK MUSTAFFA DI SINI HARI INI.

+TIDAK ADA APA-APA YANG TIDAK MEMUAS HATI TENTANG DATUK MUSTAFFA TETAPI PERUBAHAN ITU HANYALAH DEMI KEPENTINGAN PILIHAN RAYA UMUM DAN PEMBENTUKAN KERAJAAN,+ TAMBAHNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA MENJADI KEBIASAAN DALAM SETIAP PILIHAN RAYA UMUM, ADA SAHAJA WAKIL RAKYAT YANG DIGUGURKAN DAN ADA PULA YANG DICALONKAN UNTUK BERTANDING KERANA YANG PENTING IALAH SAMA ADA +KITA DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN YANG DAPAT MEMBERI MANFAAT.+ -- LAGI.

1354MST 10 10 90

D816

R B495 BAH
MAHATHIR - MUSTAFFA 2 BATU PAHAT

MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA PERJUANGAN PARTI PERLU DIUTAMAKAN, MAKA DATUK MUSTAFFA +SANGGUP MENGHULURKAN LEHERNYA UNTUK DIPANCUNG+, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR SAMBIL MENGIMBAS KEMBALI BAHAWA DATUK MUSTAFFA MERUPAKAN PENYOKONG KUAT BELIAU TERUTAMA SEMASA UMNO HENDAK DIPULIHKAN DAHULU.

SEMENTARA ITU, DALAM UCAPANNYA DATUK MUSTAFFA BERIKRAR TIDAK AKAN MENGUNDURKAN DIRI DARIPADA POLITIK, SEBALIKNYA AKAN TERUS MEMIMPIN UMNO BAHAGIAN SERI GADING.

+WALAUPUN SAYA TIDAK LAGI MENJADI CALON DALAM PILIHAN RAYA KALI INI, NAMUN SAYA AKAN TERUS MEMIMPIN MASYARAKAT DI SERI GADING BAGI MEWARISI KEPIMPINAN AYAH DAN DATUK SAYA,+ KATANYA.

DATUK MUSTAFFA JUGA MEMBERI JAMINAN BAHAWA BELIAU TIDAK AKAN BERGANJAK DARIPADA MENYOKONG PERDANA MENTERI.

MENURUTNYA SOAL JATUH DAN NAIK SESEORANG PEMIMPIN ADALAH PERKARA BIASA DAN TELAH MENJADI LUMRAH ALAM.

+BERILAH PELUANG SAYA MENGUNDURKAN DIRI SECARA TERHORMAT,+ KATANYA SAMBIL TERISAK-ISAK, KERANA MENURUTNYA, ADA PIHAK YANG MEMBURUK-BURUKKAN KEADAAN ITU. -- BERNAMA.

1433MST 10 10 90